

Jawatan PM, MB, KM tanpa had masih praktikal
Malaysiakini.com
September 13,2011

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Hajiji Noor berkata dasar kebangsaan sedia ada yang tidak mengehendkan tempoh memegang jawatan perdana menteri, menteri besar dan ketua menteri masih praktikal dan relevan di negara ini.

Oleh itu, beliau berkata tiada keperluan buat masa ini untuk mengehendkan tempoh memegang jawatan-jawatan tersebut kepada hanya dua penggal.

"Saya melihat di Malaysia ini belum sampai masanya untuk kita melaksanakan sistem seumpama itu... biarlah apa yang kita praktik selama ini kita teruskan.

"Apa yang penting kita hidup dalam keadaan aman damai dan makmur dan kita melaksanakan proses demokrasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan kita," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis mesra Aidilfitri anjuran anak syarikat kerajaan negeri Supernesa Sdn Bhd, di Kota Kinabalu malam tadi.

Hajiji berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Presiden Barisan Bersatu Borneo (UBF) Datuk Dr Jeffrey Kitingan mengenai perkara itu.

Jeffrey, bekas naib presiden PKR yang kini mengetuai badan bukan kerajaan iaitu UBF dan Yayasan Warisan Borneo, baru-baru ini dipetik sebagai berkata ingin supaya ditamatkan sistem yang diamalkan di negara ini sekarang yang membolehkan Perdana Menteri atau Ketua Menteri menjawat jawatan selama beberapa dekad.

Mengenai gesaan Jeffrey agar Malaysia mencontohi negara-negara maju dan tidak mengikut jejak langkah negara yang mempunyai sejarah pemimpin berkhidmat terlalu lama, Hajiji berkata negara ini tidak perlu terikut-ikut dengan sistem pemerintahan yang diamalkan di negara lain.

"Biarlah rakyat kita sendiri yang menentukannya apabila tiba masa yang sesuai," katanya.

Terdahulu, pengerusi Supernesa Sdn Bhd Datuk Hamisa Samat meminta kakitangan dan pegawai syarikat itu supaya berusaha mewujudkan budaya kerja cemerlang.

Katanya semangat kerja berpasukan menjadi teras kepada kestabilan organisasi di setiap jabatan dan syarikat yang seterusnya akan mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan bekerjasama.

- Bernama